

17/12/1998

Konspirasi politik diambil kira

KUALA LUMPUR, Rabu - Siasatan polis terhadap kes Datuk Seri Anwar Ibrahim turut mengambil kira unsur konspirasi politik untuk menjatuhkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Senior Asisten Komisioner I Musa Hassan berkata, beliau yang juga pegawai penyiasat dan penyelia kes itu membuat siasatan meliputi semua unsur, termasuk pembabitian ahli politik.

"Ia bagi memastikan sama ada terdapat konspirasi politik terhadap tertuduh," katanya.

Musa, saksi ke-13 pendakwa memberitahu mahkamah beliau memulakan siasatan terhadap kes Anwar pada 22 Jun lalu selepas tidak mengambil tindakan susulan tahun lalu.

Katanya, pernyataan pertama yang diambil dalam kes itu adalah daripada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar, pada Jun lalu.

Ummi Hafilda adalah adik kepada Mohamed Azmin Ali, bekas setiausaha sulit Anwar dan dia juga adalah penulis surat 'Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri' yang dihantar kepada Perdana Menteri pada 5 Ogos 1997.

Azizan pula adalah bekas pemandu Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan penulis surat pengakuan bersumpah yang mendakwa beliau diliwat oleh Anwar pada sekitar 1992. Surat itu juga sudah dihantar kepada Perdana Menteri.

Menjawab soalan peguam bela Gurbachan Singh, Musa berkata beliau membuat siasatan kes itu berdasarkan kepada laporan polis yang dibuat oleh Mohamed Azmin Ali berhubung buku '50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM'.

Bagaimanapun, katanya, dalam laporan polis itu Mohamed Azmin tidak membuat sebarang aduan ke atas Anwar.

Menurutnya, laporan itu juga tidak dibuat berdasarkan kepada kesalahan rasuah mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970, tetapi atas kesalahan fitnah jenayah.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan cadangan pembela bahawa sehingga hari ini Mohamed Azmin dan Shamsidar Taharin tidak ada membuat laporan polis terhadap Anwar.

Kepada soalan Gurbachan sama ada beliau ada mengambil pernyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin; Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor untuk kes itu, Musa berkata beliau dan pegawainya tidak mengambil kenyataan daripada mereka.

Katanya, pernyataan juga tidak diambil daripada Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Datuk Jamil Johari, yang berada di rumah Dr Ristina Majid ketika Azizan dan Ummi Hafilda ditangkap pada 17 Ogos 1997.

Bagaimanapun, katanya, seorang pegawainya Asisten Komisioner Yahaya Udin ada mengambil pernyataan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob mengikut Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah.

Musa berkata, Yahaya juga mengambil pernyataan daripada bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Ismail Che Ros, mengikut seksyen yang sama.

Mengenai pernyataan daripada bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Musa berkata:

"Saya ingat tidak ada kenyataan diambil daripada Tan Sri Abdul Rahim untuk kes ini, tetapi untuk kes lain ada. Tetapi saya sendiri mengambil pernyataan daripada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, kalau tidak silap pada September lalu."

Musa memberitahu mahkamah beliau ada mengambil percakapan beramaran daripada Anwar untuk kes itu.

Beliau juga bersetuju dengan cadangan pembela bahawa laporan serta merta adalah penting dalam siasatan kes salah laku seksual.

Selain itu, katanya, beliau juga ada menerima surat penafian Ummi Hafilda dan Azizan daripada Cawangan Khas berhubung kes itu.

Kepada soalan Gurbachan berhubung kenyataan diambil daripada Ma'amin Latib, Musa berkata tiga pernyataan diambil daripada lelaki berkenaan pada 26 Oktober lalu.

Menurutnya, pernyataan itu diambil olehnya dan seorang pegawai beliau yang terbabit ke atas siasatan dalam tiga pertemuan dengan Ma'amin yang dipanggil ke Bukit Aman.

Katanya, beliau ada berjumpa dengan Ma'amin di Balai Polis Sungai Udang Melaka pada 19 November lalu dan pada 22 serta 26 November lalu di pejabatnya di Bukit Aman.

Menjawab soalan Gurbachan, Musa tidak bersetuju bahawa polis telah meminta Ma'amin mengubah pernyataannya dalam satu pertemuan yang diadakan pada jam 8 malam hingga 2 pagi, 26 Oktober lalu di Bukit Aman.

Musa berkata, beliau tahu Ma'amin ada membuat laporan polis ke atasnya di Balai Polis Sungai Udang dan menyerahkan kepada pihak polis menjalankan siasatan ke atas laporan itu.

Mengenai pernyataan yang diambil daripada Abdul Rahim Dahalan atau dikenali sebagai Rahim King, Musa berkata pernyataan juga diambil daripada lelaki berkenaan pada 26 Oktober lalu.

Ketika ditanya sama ada beliau tahu Rahim King selalu digunakan oleh Perdana Menteri untuk sesuatu projek, Musa menjawab beliau tidak tahu.

(END)